

Banjir di Pahang semakin pulih

KUANTAN - Keadaan banjir di Pahang semakin pulih apabila hanya tujuh mangsa sahaja lagi ditempatkan di sebuah pusat pemindahan banjir di daerah Kuantan.

Semua pusat pemindahan lain sebelum ini termasuk di daerah Raub telah ditutup berikutan mangsa dibenarkan pulang ke rumah masing-masing.

Menurut jurucakap bilik gerakan banjir Ibu Pejabat Polis Kontinjen Pahang, tujuh mangsa terbabit yang terdiri daripada dua keluarga, ditempatkan di balai raya Kampung Pahang.

"Kedua-dua buah keluarga itu dari Kampung Pahang dan mereka masih belum dibenarkan pulang kerana keadaan banjir di kawasan rumah mereka belum pulih sepenuhnya lagi," katanya kepada *Bernama* di sini.

Jurucakap berkenaan berkata, 67 mangsa daripada 12 keluarga, di daerah Kuantan telah dibenarkan pulang pukul 5 petang semalam.

Bagi daerah Raub, jumlah mangsa banjir seramai 247 orang di beberapa pusat pemindahan juga dibenarkan pulang 5 petang semalam.